

Musa: Langkakan tertentu perlu

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Bila negara kita diancam musuh

KUALA LUMPUR, Isnin — Kebebasan dan hak individu serta masyarakat adalah hak yang perlu dikorbankan bagi menegakkan keadilan bila negara diancam oleh gerakan-gerakan luar negeri serta tekanan-tekanan dari dalam negeri, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam hari ini.

Katanya, bila ancaman sedemikian terjadi, Kerajaan yang dipilih oleh rakyat seharusnya mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan negara.

Ujarnya, Kerajaan telahpun meluluskan beberapa undang-undang yang difikirkan perlu bagi

melindungi badan politik dan orangan-mal dengan berlandaskan perlembagaan, walaupun ia mendapat tentangan.

Tetapi di sebelah tentangan itu, siapakah penghakim sebenarnya sama ada darurat telah berlaku atau tidak. Dan apakah langkah yang perlu diambil bagi mengawal keadaan, tanya Datuk Musa.

Menurutnya, Mahkamah dan para peguam bukanlah penghakim dan para perkara tersebut, anjuran Majlis dipilih rakyatlah tambahnya, yang mengetahui hal sebenar.

Nasihat

"Kami mempunyai maklumat dan nasihat yang diteliti," kata Datuk Musa kepada para hadirin di Persidangan Undang-undang Malaysia sambil menambah, mamamud dan nasihat tersebut tidak akan diperolehi oleh para peguam atau sesiapapun di luar Kerajaan.

Datuk Musa berucap demikian di hadapan kira-kira 1,000 hadirin di peredaran tersebut, anjuran Majlis Peguam Majlis yang kebanyakannya terdiri dari para peguam dan hakim-hakim tanah air.

Bellau memberitahu, sehingga para peguam mempunyai bukti sebaliknya akan hasrat Kerajaan meluluskan undang-undang berkenaan, mereka hendaklah menaruh kepercayaan bahawa Kerajaan berniat baik mahu memelihara perlembagaan.

Datuk Musa yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengingatkan, negara-negara lain telah meluluskan undang-undang yang serupa, malahan ada yang lebih keras lagi bagi menghadapi darurat.

Tetapi di Malaysia, para peguam dibenarkan 'but bising' dan ini tambahnya, kerana Kerajaan menghormati kuasa undang-undang dan percaya pada proses demokrasi.

Menimbang

Menurut Datuk Musa, adalah ketelaahan untuk mendapat penerimaan mereka tentang dasar-dasar dan tindakan Kerajaan, tetapi jika tidak bersetuju, mereka hendaklah bertindak secara sopan serta memahami tujuan dan niat masing-masing.

Bellau menegaskan, Kerajaan akan menimbang segala pandangan yang diberi tetapi bellau tidak boleh memberi apa-apa jaminan bahawa setiap pandangan akan diterima sungguhpun ia datang dari badan yang disanjung tinggi seperti Majlis Peguam.

Kata Datuk Musa, undang-undang boleh berubah dan ada banyak cara untuk perubahan itu, kecuali, satu-satunya syarat, cara tersebut mestilah selaras dengan perlembagaan.

Sebanyak 14 buah kertas kerja akan dibentangkan dalam peredaran tiga hari itu. Kertas-kertas kerja tersebut menyentuh isu-isu semasa bersangkutan dengan undang-undang, antaranya ialah:

• Wajarkah hukuman mati dihapuskan? Hak orang-orang cacat? Hak pengguna dan adakah etika amalan perdagangan masa kini mencukupi?